



SIARAN MEDIA
JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA
PUTRAJAYA



UNTUK SIARAN SEGERA

BILANGAN 1 - 12 / 2018

**LAPORAN AUDIT NEGARA TERHADAP TUNGGAKAN TUNTUTAN PULANG
BALIK BAGI TEMPOH APRIL 2015 HINGGA 5 JUN 2018**

1. Merujuk kepada tafsiran beberapa pihak terhadap Laporan Audit Negara berkaitan status tunggakan tuntutan pulang balik sebanyak RM19.47 billion bagi tempoh April 2015 hingga 5 Jun 2018 yang telah menimbulkan kekeliruan, Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) ingin memberi penjelasan berikut. Sebenarnya, permohonan tuntutan pulang balik sebanyak RM19.47 billion sedang dalam semakan audit meja JKDM semasa Laporan Audit Negara disediakan.
2. Keseluruhan semakan kini telah selesai dilaksanakan dan RM19.47 billion telah diluluskan untuk dibuat bayaran pada akhir bulan Julai 2018. Walau bagaimanapun, tiada dana yang cukup dalam tabung bayaran balik GST untuk membayar tunggakan tuntutan pulang balik ini.
3. Bayaran balik tunggakan berjumlah RM0.9 billion adalah kepada dua syarikat milik Kerajaan seperti dinyatakan dalam media massa. Tuntutan adalah berpunca daripada pelepasan yang diberikan oleh Kementerian Kewangan di bawah peruntukan Seksyen 56(3) Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) 2014 bagi tuntutan cukai input yang telah dibayar oleh syarikat. Tidak ada sebarang kehilangan dana kerana kedua-dua syarikat adalah milikan 100% Kerajaan Persekutuan.
4. Secara amnya, jumlah tunggakan tuntutan pulang balik ini perlu dibayar memandangkan kebanyakan tuntutan ini adalah merupakan tuntutan sah dan perlu dibuat bayaran.
5. Di bawah peruntukan Seksyen 54(2) Akta GST 2014, semua wang GST hendaklah dimasukkan ke dalam Tabung Amanah GST. Kesemua atau sebahagian daripada wang tersebut kemudiannya boleh dipindahkan ke dalam Akaun Hasil Disatukan dengan kelulusan Menteri Kewangan.

Telefon: 03-88822100 | Faksimili : 03-88895884

Laman Web : www.customs.gov.my | Facebook : Jabatan Kastam Diraja Malaysia

E-mel : cpa@customs.gov.my

6. Walau bagaimanapun, semua wang kutipan GST telah dimasukkan ke dalam Akaun Hasil Disatukan tanpa kelulusan Menteri Kewangan. Hanya peratusan tertentu yang tidak mencukupi dana dipindahkan ke dalam Tabung Amanah GST. Pada 31 Mei 2018, Tabung Amanah GST masih memerlukan pemindahan hasil sebanyak RM19.2 billion untuk membiayai bayaran balik GST yang telah atau akan diluluskan.
7. Dilaporkan Akaun Hasil Disatukan hanya mempunyai RM450 juta pada 30 April 2018. Jumlah ini tidak mencukupi untuk dipindahkan kepada Tabung Amanah GST untuk membiayai bayaran balik GST yang tertunggak. Oleh yang demikian, Kerajaan terpaksa bergantung kepada sumbangan dividen khas Petronas untuk membuat bayaran balik GST yang tertunggak sebanyak RM19.4 billion.

Sekian, terima kasih.

JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA
4 DISEMBER 2018